



Jabatan Perangkaan
M A L A Y S I A

BULETIN PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, SEPTEMBER 2020




Tarikh Sebaran: 28 Oktober, 2020

Masa Sebaran: Jam 1200

BAHAGIAN PERANGKAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



PRESTASI PERDAGANGAN MALAYSIA, SEPTEMBER 2020



▲ ▼ Semua perubahan adalah berdasarkan perbandingan tahun ke tahun

#Nota:

1. Data bulan September 2020 adalah *provisional* dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.
2. Laporan ini boleh diperolehi daripada laman portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) di bawah ruangan: Siaran Terkini.

PRESTASI PERDAGANGAN MALAYSIA, SEPTEMBER 2020

Eksport Malaysia pada September 2020 berjumlah RM88.9 bilion, kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan dua-digit 13.6 peratus berbanding September 2019. Import terus mencatatkan pertumbuhan negatif dengan magnitud yang lebih kecil 3.6 peratus daripada RM69.4 bilion kepada RM67.0 bilion. Lebihan dagangan bernilai RM22.0 bilion dan merupakan lebihan dagangan bulanan kedua tertinggi selepas Julai 2020 dengan pertumbuhan 149.3 peratus tahun ke tahun. Jumlah dagangan berjumlah RM155.9 bilion, meningkat 5.5 peratus.

Berdasarkan bulan ke bulan, eksport, import, jumlah dagangan dan imbangan dagangan masing-masing mencatatkan peningkatan 12.4 peratus, 1.6 peratus, 7.5 peratus dan 66.3 peratus.

A. EKSPORT



Eksport Malaysia kembali pulih pada September 2020, mencatatkan pertumbuhan dua digit

- Eksport pada September 2020 bernilai RM88.9 bilion, kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit 13.6 peratus tahun ke tahun, melebihi pertumbuhan import selama lima bulan berturut-turut. Berasaskan bulan ke bulan, ia juga meningkat 12.4 peratus daripada RM79.1 bilion.
- Eksport pada suku ketiga (S3) 2020, berjumlah RM260.6 bilion, meningkat 4.4 peratus berbanding S3 2019. Berbanding suku kedua (S2) 2020, eksport mencatatkan pertumbuhan kukuh dua digit iaitu 24.0 peratus daripada RM210.3 bilion.
- Bagi tempoh sembilan bulan pertama 2020, eksport menurun 3.7 peratus daripada RM736.8 bilion kepada RM709.6 bilion berbanding tempoh sama pada 2019.
- Eksport ke China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Singapura merupakan penyumpang utama kepada peningkatan eksport pada September 2020.

- Eksport barang perkilangan bernilai RM78.0 bilion, merangkumi 87.7 peratus daripada jumlah eksport meningkat 16.3 peratus berbanding bulan yang sama tahun lalu. Eksport keluaran pertanian (RM6.5 bilion) yang mewakili 7.4 peratus daripada eksport Malaysia meningkat 26.6 peratus tahun ke tahun. Sementara itu, eksport hasil perlombongan (RM4.0 bilion) lebih rendah 27.4 peratus, dan menyumbang 4.5 peratus kepada eksport Malaysia.


1.

Prestasi Eksport

Eksport Malaysia pada September 2020 berjumlah RM88.9 bilion kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit 13.6 peratus berbanding September 2019. Peningkatan eksport didorong oleh eksport semula, yang meningkat 38.6 peratus. Eksport semula bernilai RM17.7 bilion dengan sumbangan 19.9 peratus daripada jumlah eksport. Sementara itu, eksport domestik bernilai RM71.2 bilion, meningkat 8.8 peratus tahun ke tahun.

Jadual 1: Eksport, Eksport Domestik, Eksport Semula (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| Tempoh | Nilai RM Juta | | Perubahan Tahunan (%) | | | |
|----------------|---------------|------------------|-----------------------|---------|------------------|----------------|
| | Eksport | Eksport Domestik | Eksport Semula | Eksport | Eksport Domestik | Eksport Semula |
| 2019 (JAN-SEP) | 736,828 | 611,085 | 125,743 | 0.003 | 3.8 | (15.2) |
| 2020 (JAN-SEP) | 709,556 | 572,885 | 136,671 | (3.7) | (6.3) | 8.7 |
| 2019 | | | | | | |
| JAN | 86,341 | 68,888 | 17,453 | 3.7 | 4.6 | 0.4 |
| FEB | 67,683 | 57,181 | 10,502 | (4.1) | 2.1 | (27.7) |
| MAC | 85,677 | 70,347 | 15,330 | 1.0 | 2.3 | (4.7) |
| APR | 86,228 | 72,737 | 13,491 | 1.9 | 12.7 | (32.9) |
| MEI | 84,679 | 72,174 | 12,504 | 2.2 | 8.1 | (22.4) |
| JUN | 76,691 | 64,456 | 12,235 | (2.7) | 2.0 | (21.7) |
| JUL | 89,765 | 71,757 | 18,008 | 3.8 | 5.7 | (3.2) |
| OGO | 81,513 | 68,075 | 13,438 | (0.6) | (0.6) | (0.3) |
| SEP | 78,252 | 65,469 | 12,782 | (6.1) | (2.2) | (21.9) |
| OKT | 90,861 | 72,345 | 18,516 | (6.4) | (5.4) | (10.2) |
| NOV | 80,947 | 67,945 | 13,003 | (5.4) | (2.4) | (18.4) |
| DIS | 86,436 | 72,108 | 14,327 | 2.8 | 3.4 | (0.3) |
| 2020 | | | | | | |
| JAN | 84,114 | 67,833 | 16,281 | (2.6) | (1.5) | (6.7) |
| FEB | 74,451 | 64,662 | 9,789 | 10.0 | 13.1 | (6.8) |
| MAC | 80,119 | 62,854 | 17,265 | (6.5) | (10.7) | 12.6 |
| APR | 64,787 | 46,183 | 18,604 | (24.9) | (36.5) | 37.9 |
| MEI | 62,650 | 53,904 | 8,745 | (26.0) | (25.3) | (30.1) |
| JUN | 82,819 | 69,951 | 12,869 | 8.0 | 8.5 | 5.2 |
| JUL | 92,559 | 71,734 | 20,825 | 3.1 | (0.03) | 15.6 |
| OGO | 79,130 | 64,548 | 14,581 | (2.9) | (5.2) | 8.5 |
| SEP | 88,927 | 71,216 | 17,711 | 13.6 | 8.8 | 38.6 |



2. Eksport mengikut Kumpulan Barang

Eksport kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan kukuh pada September 2020, disokong oleh eksport yang lebih tinggi bagi injap dan tiub termionik, berkembang RM7.1 bilion (+41.6%); diikuti oleh aksesori selain daripada fabrik tekstil, penutup kepala (+RM2.3 bilion, +156.3%); lemak dan minyak sayuran (+RM1.2 bilion, +39.2%) dan kelengkapan telekomunikasi (+RM1.0 bilion, +36.2%). Walau bagaimanapun, eksport gas asli dan keluaran petroleum bertapis masing-masing menyusut RM1.6 bilion (-52.2%) dan RM1.6 bilion (-34.3%).

Bagi sembilan bulan pertama 2020, eksport 10 kumpulan barang utama dengan sumbangan kumulatif 54.1 peratus kepada jumlah eksport, meningkat 0.7 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Jadual 2: Eksport bagi 10 Kumpulan Barang Utama, Nilai (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| No. | Kumpulan Barang | Keterangan | Nilai RM Juta (FOB) | | | Perubahan Tahunan | | Nilai RM Juta (FOB) | | | |
|----------------------------------|-----------------|--|---------------------|---------------|---------------|-------------------|---------------------|---------------------|----------------|----------------|---------------|
| | | | Sep 2019 | Ogo 2020 | Sep 2020 | Sumbangan (%) | Nilai RM Juta (FOB) | % | Jan-Sep 2019 | Jan-Sep 2020 | Sumbangan (%) |
| 1 | 776 | Injap dan tiub termionik | 16,979 | 18,725 | 24,037 | 27.0 | 7,057.5 | 41.6 | 163,954 | 171,140 | 24.1 |
| 2 | 334 | Keluaran petroleum, bertapis | 4,688 | 3,827 | 3,080 | 3.5 | (1,608.8) | (34.3) | 45,485 | 41,327 | 5.8 |
| 3 | 422 | Minyak sayuran 'fixed' lain, berair atau pejal, mentah, ditapis atau dibersihkan | 2,993 | 3,642 | 4,166 | 4.7 | 1,173.0 | 39.2 | 28,670 | 30,891 | 4.4 |
| 4 | 764 | Kelengkapan telekomunikasi | 2,790 | 3,166 | 3,800 | 4.3 | 1,009.9 | 36.2 | 22,552 | 24,075 | 3.4 |
| 5 | 343 | Gas asli, sama ada cecair atau tidak | 3,103 | 1,552 | 1,484 | 1.7 | (1,619.0) | (52.2) | 31,867 | 22,631 | 3.2 |
| 6 | 848 | Kelengkapan pakaian, penutup kepala dsb. | 1,491 | 3,050 | 3,821 | 4.3 | 2,330.1 | 156.3 | 13,112 | 22,071 | 3.1 |
| 7 | 874 | Alat-alat mengukur, memeriksa, mengalisis dan kawalan | 2,879 | 2,568 | 3,189 | 3.6 | 309.8 | 10.8 | 18,835 | 21,676 | 3.1 |
| 8 | 898 | Alat muzik dan alat ganti dan aksesori | 1,410 | 2,008 | 2,137 | 2.4 | 726.7 | 51.5 | 13,378 | 18,740 | 2.6 |
| 9 | 333 | Minyak petroleum mentah dan minyak mentah didapati daripada mineral berbitumin | 1,650 | 2,109 | 1,847 | 2.1 | 196.8 | 11.9 | 21,626 | 15,558 | 2.2 |
| 10 | 752 | Mesin memproses data automatik | 1,628 | 1,438 | 1,987 | 2.2 | 358.9 | 22.0 | 21,561 | 15,528 | 2.2 |
| 10 Kumpulan Barang Utama | | | 39,612 | 42,086 | 49,546 | 55.7 | 9,934.9 | 25.1 | 381,040 | 383,638 | 54.1 |
| Lain-lain Kumpulan Barang | | | 38,640 | 37,044 | 39,381 | 44.3 | 740.9 | 1.9 | 355,788 | 325,918 | 45.9 |
| Jumlah Eksport | | | 78,252 | 79,130 | 88,927 | 100.0 | 10,675.8 | 13.6 | 736,828 | 709,556 | 100.0 |

3. Eksport mengikut Destinasi Negara Utama

Hampir satu pertiga daripada eksport Malaysia pada September 2020 dibekalkan ke China dan Singapura. Eksport ke China bernilai RM15.6 bilion mewakili 17.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia terus berkembang selama enam bulan berturut-turut, mencatatkan peningkatan 41.9 peratus tahun ke tahun. Peningkatan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang elektrik dan elektronik (+RM2.2 bilion, +53.9%); produk besi dan keluli (+RM818.0 juta, +922.8%) dan minyak kelapa sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit (+RM450.6 juta, +103.2%). Eksport ke China untuk sembilan bulan pertama 2020 berjumlah RM114.5 bilion, meningkat 13.3 peratus berbanding tempoh sama 2019.

Eksport ke Singapura berjumlah RM12.2 bilion merangkumi 13.7 peratus daripada eksport Malaysia meningkat 13.7 peratus tahun ke tahun. Produk utama yang menyumbang kepada kenaikan adalah barang elektrik dan elektronik yang berkembang RM2.2 bilion atau 50.2 peratus. Walau bagaimanapun, eksport keluaran petroleum menurun RM327.7 juta atau 21.5 peratus. Bagi tempoh Januari hingga September 2020, eksport ke Singapura meningkat sedikit iaitu 0.8 peratus daripada RM100.0 bilion kepada RM100.8 bilion.

Bagi sembilan bulan pertama 2020, 10 destinasi eksport negara utama dengan sumbangan kumulatif 78.3 peratus kepada jumlah eksport Malaysia, meningkat 0.1 peratus tahun ke tahun.

Jadual 3: Destinasi Eksport Utama, Nilai (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| No | Negara | Nilai RM Juta (FOB) | | | Perubahan Tahunan | | Nilai RM Juta (FOB) | | | |
|-------------------------|------------------|---------------------|---------------|---------------|-------------------|---------------------|---------------------|----------------|----------------|---------------|
| | | Sep 2019 | Ogo 2020 | Sep 2020 | Sumbangan (%) | Nilai RM Juta (FOB) | % | Jan-Sep 2019 | Jan-Sep 2020 | Sumbangan (%) |
| 1 | China | 10,963 | 13,975 | 15,556 | 17.5 | 4,593.7 | 41.9 | 101,050 | 114,540 | 16.1 |
| 2 | Singapura | 10,738 | 11,022 | 12,210 | 13.7 | 1,472.5 | 13.7 | 100,040 | 100,823 | 14.2 |
| 3 | Amerika Syarikat | 8,452 | 9,454 | 10,321 | 11.6 | 1,868.8 | 22.1 | 70,684 | 77,088 | 10.9 |
| 4 | Kesatuan Eropah | 6,712 | 6,958 | 8,633 | 9.7 | 1,920.8 | 28.6 | 67,116 | 61,572 | 8.7 |
| 5 | Hong Kong | 5,083 | 4,958 | 6,705 | 7.5 | 1,621.9 | 31.9 | 49,215 | 48,946 | 6.9 |
| 6 | Jepun | 5,359 | 4,310 | 4,755 | 5.3 | (603.2) | (11.3) | 50,040 | 45,143 | 6.4 |
| 7 | Thailand | 4,030 | 3,268 | 4,004 | 4.5 | (26.0) | (0.6) | 43,212 | 33,212 | 4.7 |
| 8 | Republik Korea | 2,845 | 2,828 | 2,813 | 3.2 | (31.3) | (1.1) | 25,023 | 26,379 | 3.7 |
| 9 | Taiwan | 3,111 | 2,252 | 3,063 | 3.4 | (48.3) | (1.6) | 26,725 | 25,093 | 3.5 |
| 10 | Indonesia | 2,419 | 2,057 | 2,083 | 2.3 | (335.8) | (13.9) | 22,230 | 22,908 | 3.2 |
| 10 Negara Utama | | 59,711 | 61,081 | 70,144 | 78.9 | 10,433.2 | 17.5 | 555,335 | 555,704 | 78.3 |
| Lain-lain negara | | 18,540 | 18,048 | 18,783 | 21.1 | 242.6 | 1.3 | 181,493 | 153,851 | 21.7 |
| Jumlah Eksport | | 78,252 | 79,130 | 88,927 | 100.0 | 10,675.8 | 13.6 | 736,828 | 709,556 | 100.0 |

Eksport ke ASEAN pada September 2020, yang merangkumi 26.0 peratus daripada jumlah eksport meningkat 6.7 peratus daripada RM21.7 billion kepada RM23.1 bilion, berikutan eksport yang lebih tinggi bagi barang elektrik dan elektronik yang meningkat RM3.2 bilion atau 47.8 peratus. Walau bagaimanapun, penurunan dicatatkan bagi eksport keluaran petroleum (-RM628.9 juta, -25.5%); barang perlilangan logam (-RM313.2 juta, -28.6%) dan kelengkapan pengangkutan (-RM309.1 juta, -43.2%).

Bagi sembilan bulan pertama 2020, eksport Malaysia ke ASEAN yang bernilai RM198.0 bilion, menurun 6.4 peratus berbanding tempoh sama 2019.

Jadual 4: Pecahan Eksport ke Negara-negara ASEAN, Nilai (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| Negara-negara ASEAN | Nilai RM Juta (FOB) | | | | Perubahan Tahunan | | Nilai RM Juta (FOB) | | |
|--------------------------------|---------------------|---------------|---------------|---------------|---------------------|-------------|---------------------|----------------|---------------|
| | Sep 2019 | Ogo 2020 | Sep 2020 | Sumbangan (%) | Nilai RM Juta (FOB) | % | Jan-Sep 2019 | Jan-Sep 2020 | Sumbangan (%) |
| Singapura | 10,738 | 11,022 | 12,210 | 52.9 | 1,472.5 | 13.7 | 100,040 | 100,823 | 50.9 |
| Thailand | 4,030 | 3,268 | 4,004 | 17.3 | (26.0) | (0.6) | 43,212 | 33,212 | 16.8 |
| Indonesia | 2,419 | 2,057 | 2,083 | 9.0 | (335.8) | (13.9) | 22,230 | 22,908 | 11.6 |
| Viet Nam | 2,465 | 2,772 | 2,613 | 11.3 | 148.5 | 6.0 | 26,098 | 22,352 | 11.3 |
| Filipina | 1,423 | 1,429 | 1,505 | 6.5 | 82.0 | 5.8 | 14,002 | 13,091 | 6.6 |
| Myanmar | 195 | 225 | 222 | 1.0 | 27.5 | 14.1 | 2,063 | 2,472 | 1.2 |
| Brunei Darussalam | 174 | 185 | 334 | 1.4 | 159.5 | 91.5 | 1,688 | 1,979 | 1.0 |
| Cambodia | 205 | 117 | 125 | 0.5 | (80.1) | (39.0) | 2,199 | 1,121 | 0.6 |
| Laos, PDR | 3 | 4 | 6 | 0.0 | 2.8 | 85.0 | 24 | 41 | 0.0 |
| Jumlah Eksport ke ASEAN | 21,652 | 21,077 | 23,103 | 26.0 | 1,450.9 | 6.7 | 211,555 | 198,000 | 27.9 |
| Jumlah Eksport | 78,252 | 79,130 | 88,927 | 100.0 | 10,675.8 | 13.6 | 736,828 | 709,556 | 100.0 |

4. Eksport mengikut Sektor

Eksport keluaran perlilangan (87.7% daripada jumlah eksport) pada September 2020 meningkat 16.3 peratus atau RM10.9 bilion, berjumlah RM78.0 bilion berbanding bulan sama pada 2019. Peningkatan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang elektrik dan elektronik (+RM9.6 bilion, +33.0%) dan keluaran getah (+RM2.4 bilion, +115.8%). Walau bagaimanapun, kenaikan tersebut diimbangi oleh eksport yang lebih rendah keluaran petroleum (-RM1.6 bilion, -29.5%) dan kelengkapan pengangkutan (-RM714.6 juta, -35.8%).

Eksport keluaran pertanian, yang menyumbang 7.4 peratus kepada jumlah eksport meningkat 26.6 peratus daripada RM5.2 bilion kepada RM6.5 bilion disebabkan oleh eksport minyak kelapa sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak kelapa sawit yang meningkat 43.6 peratus daripada RM3.4 bilion kepada RM4.9 bilion.

Eksport hasil perlombongan yang menyumbang 4.5 peratus kepada jumlah eksport terus mencatatkan penurunan dua digit iaitu 27.4 peratus atau RM1.5 bilion kepada RM4.0 bilion berbanding September 2019. Kejatuhan yang ketara bagi eksport gas asli cecair iaitu RM1.6 bilion atau 52.2 peratus penyumbang kepada penurunan dalam eksport hasil perlombongan.

Dalam tempoh Januari hingga September 2020, eksport hasil perlombongan dan keluaran perkilangan masing-masing menguncup 27.2 peratus dan 1.5 peratus. Walau bagaimanapun, eksport keluaran pertanian mencatatkan kenaikan 2.3 peratus berbanding tempoh sama 2019.

Jadual 5: Eksport mengikut Sektor, Nilai (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| Sektor | Nilai RM Juta (FOB) | | | Perubahan Tahunan | | | Nilai RM Juta (FOB) | | |
|-----------------------|---------------------|---------------|---------------|-------------------|---------------------|-------------|---------------------|----------------|---------------|
| | Sep 2019 | Ogo 2020 | Sep 2020 | Sumbangan (%) | Nilai RM Juta (FOB) | % | Jan-Sep 2019 | Jan-Sep 2020 | Sumbangan (%) |
| Pembuatan | 67,051 | 68,556 | 77,985 | 87.7 | 10,933.6 | 16.3 | 620,885 | 611,350 | 86.2 |
| Pertanian | 5,170 | 5,713 | 6,547 | 7.4 | 1,377.1 | 26.6 | 49,382 | 50,507 | 7.1 |
| Perlombongan | 5,529 | 4,551 | 4,016 | 4.5 | (1,513.5) | (27.4) | 61,120 | 44,478 | 6.3 |
| Lain-lain | 501 | 309 | 379 | 0.4 | (121.5) | (24.3) | 5,440 | 3,220 | 0.5 |
| Jumlah Eksport | 78,252 | 79,130 | 88,927 | 100.0 | 10,675.8 | 13.6 | 736,828 | 709,556 | 100.0 |

B. IMPORT



Import pada September 2020 terus mencatatkan penurunan.

- Import Malaysia pada September 2020 bernilai RM67.0 bilion, menyusut 3.6 peratus atau RM2.5 bilion berbanding September 2019. Ini adalah penurunan bulan ke tujuh berturut-turut sejak Mac 2020. Sementara itu, berdasarkan bulan ke bulan, import meningkat 1.6 peratus daripada RM65.9 bilion.
- Import pada S3 2020, berjumlah RM200.3 bilion, menurun 6.3 peratus berbanding S3 2019. Walau bagaimanapun, berbanding dengan S2 2020, import mencatatkan kenaikan 9.6 peratus.
- Bagi tempoh Januari hingga September 2020, import Malaysia menyusut 6.9 peratus kepada RM584.6 bilion berbanding tempoh sama pada 2019.
- Penurunan import dari Singapura, Republik Korea, Kesatuan Eropah dan Thailand pada September 2020 menyumbang kepada penurunan import.
- Import keluaran perkilangan pada September 2020 berjumlah RM58.2 bilion merangkumi 86.9 peratus daripada jumlah import menurun 3.0 peratus tahun ke tahun. Import keluaran pertanian (6.1% daripada jumlah import) meningkat 23.9 peratus daripada RM3.3 bilion kepada RM4.1 bilion, sementara import hasil perlombongan dengan sumbangan 4.6 peratus daripada jumlah import, jatuh 40.3 peratus daripada RM5.2 bilion kepada RM3.1 bilion.
- Import mengikut penggunaan akhir mencatatkan penurunan bagi barang perantaraan dan barang modal. Import barang perantaraan (RM32.8 bilion) menurun 17.8 peratus dan barang modal (RM7.7 bilion) menyusut 1.8 peratus. Sementara itu, import barang penggunaan meningkat 11.2 peratus daripada RM6.0 bilion kepada RM6.6 bilion.

1.

Prestasi Import

Import Malaysia pada September 2020 berjumlah RM67.0 bilion, terus mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu 3.6 peratus tahun ke tahun. Berdasarkan bulan ke bulan, import meningkat 1.6 peratus daripada RM65.9 bilion, kembali pulih daripada negatif 2.2 peratus yang dicatatkan pada Ogos 2020.

Bagi tempoh Januari hingga September 2020, import Malaysia berjumlah RM584.6 bilion, mencatatkan penurunan 6.9 peratus berbanding tempoh sama 2019.

Jadual 6: Import, (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| Tempoh | Nilai RM Juta | Perubahan Tahunan (%) |
|----------------|---------------|-----------------------|
| 2019 (JAN-SEP) | 627,981 | (3.3) |
| 2020 (JAN-SEP) | 584,621 | (6.9) |
| 2019 | | |
| JAN | 73,922 | 1.0 |
| FEB | 55,567 | (9.5) |
| MAC | 69,681 | (0.3) |
| APR | 74,377 | 4.2 |
| MEI | 75,109 | 1.4 |
| JUN | 65,630 | (9.8) |
| JUL | 73,796 | (5.8) |
| OGO | 70,461 | (12.5) |
| SEP | 69,438 | 2.5 |
| OKT | 73,289 | (8.7) |
| NOV | 74,261 | (3.6) |
| DIS | 73,880 | 1.0 |
| 2020 | | |
| JAN | 72,081 | (2.5) |
| FEB | 61,832 | 11.3 |
| MAC | 67,805 | (2.7) |
| APR | 68,420 | (8.0) |
| MEI | 52,263 | (30.4) |
| JUN | 61,966 | (5.6) |
| JUL | 67,383 | (8.7) |
| OGO | 65,915 | (6.5) |
| SEP | 66,957 | (3.6) |

Carta 2: Import, (RM Bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



2. Import mengikut Kumpulan Barang, SITC-3 Digit

Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah bagi keluaran petroleum, menurun 39.8 peratus atau RM2.5 bilion kepada RM3.7 bilion, diikuti oleh minyak petroleum mentah dan minyak mentah yang diperoleh dari mineral bitumen yang turun 63.2 peratus atau RM1.4 bilion kepada RM825.1 juta. Walau bagaimanapun, import injap dan tiub termionik meningkat 11.2 peratus atau RM1.3 bilion kepada RM13.0 bilion.

Bagi sembilan bulan pertama 2020, import bagi 10 kumpulan barang utama dengan sumbangan kumulatif 44.2 peratus daripada jumlah import, meningkat 1.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Jadual 7: Import bagi 10 Kumpulan Barang Utama, Nilai (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| No. | Kumpulan Barang | Keterangan | Nilai RM Juta (CIF) | | | | Perubahan Tahunan | | Nilai RM Juta (CIF) | | |
|----------------------------------|-----------------|---|---------------------|---------------|---------------|---------------|---------------------|--------------|---------------------|----------------|---------------|
| | | | Sep 2019 | Ogo 2020 | Sep 2020 | Sumbangan (%) | Nilai RM Juta (CIF) | % | Jan-Sep 2019 | Jan-Sep 2020 | Sumbangan (%) |
| 1 | 776 | Injap dan tiub termionik | 11,729 | 13,160 | 13,042 | 19.5 | 1,312.8 | 11.2 | 107,931 | 113,142 | 19.4 |
| 2 | 334 | Keluaran petroleum, ditapis | 6,222 | 4,066 | 3,744 | 5.6 | (2,478.0) | (39.8) | 52,196 | 42,288 | 7.2 |
| 3 | 764 | Kelengkapan telekomunikasi | 2,051 | 2,268 | 2,526 | 3.8 | 475.9 | 23.2 | 17,559 | 18,450 | 3.2 |
| 4 | 333 | Minyak petroleum mentah dan minyak mentah didapati daripada mineral berbitumin | 2,240 | 1,668 | 825 | 1.2 | (1,415.0) | (63.2) | 21,057 | 16,848 | 2.9 |
| 5 | 772 | Perkakas elektrik dan alat ganti | 1,977 | 1,896 | 2,094 | 3.1 | 116.7 | 5.9 | 16,290 | 16,702 | 2.9 |
| 6 | 684 | Aluminium (termasuk aloi) | 932 | 1,233 | 1,266 | 1.89 | 333.7 | 35.8 | 7,784 | 12,267 | 2.1 |
| 7 | 793 | Kapal, bot (termasuk 'Hovercraft') dan struktur terapung | 10 | 24 | 30 | 0.0 | 19.7 | 188.2 | 686 | 10,226 | 1.7 |
| 8 | 778 | Jentera dan perkakas elektrik | 1,206 | 1,193 | 1,355 | 2.0 | 149.4 | 12.4 | 10,735 | 10,005 | 1.7 |
| 9 | 874 | Alat-alat mengukur, memeriksa, mengalisis dan kawalan | 1,139 | 1,219 | 1,233 | 1.8 | 94.7 | 8.3 | 9,456 | 9,381 | 1.6 |
| 10 | 728 | Lain-lain jentera dan kelengkapan khusus untuk industri tertentu dan alat ganti | 1,149 | 1,026 | 1,083 | 1.6 | (66.7) | (5.8) | 9,923 | 9,046 | 1.5 |
| 10 Kumpulan Barang Utama | | | 28,655 | 27,754 | 27,198 | 40.6 | (1,456.7) | (5.1) | 253,617 | 258,356 | 44.2 |
| Lain-lain Kumpulan Barang | | | 40,783 | 38,160 | 39,759 | 59.4 | (1,024.3) | (2.5) | 374,364 | 326,265 | 55.8 |
| Jumlah Import | | | 69,438 | 65,915 | 66,957 | 100.0 | (2,481.0) | (3.6) | 627,981 | 584,621 | 100.0 |

3. Import mengikut Negara Asal Utama

Dua sumber utama import Malaysia pada September 2020 yang menyumbang 32.6 peratus kepada jumlah import adalah China dan Singapura. Import dari China yang mewakili 22.8 peratus daripada jumlah import Malaysia, meningkat 6.1 peratus atau RM875.3 juta, berjumlah RM15.3 bilion. Ini didorong oleh peningkatan import baragan elektrik dan elektronik (+RM555.9 juta, +10.2%); jentera, kelengkapan dan peralatan (+RM240.4 juta, +14.4%) serta kelengkapan pengangkutan (+RM200.2 juta, +62.3%). Import dari China bagi sembilan bulan pertama 2020 berjumlah RM122.6 bilion, menurun 5.1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2019.

Import dari Singapura (RM6.5 bilion) merangkumi 9.7 peratus daripada import Malaysia, menurun 15.5 peratus tahun ke tahun. Penurunan import dari Singapura disebabkan oleh import yang lebih rendah bagi keluaran petroleum, menurun 32.2 peratus atau RM751.2 juta. Ia diikuti oleh barang elektrik dan elektronik yang menyusut 22.2 peratus atau RM608.3 juta.

Jadual 8: Import mengikut Negara Asal Utama, Nilai (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| Bil | Negara | Nilai RM Juta (CIF) | | | Perubahan Tahunan | | Nilai RM Juta (CIF) | | | |
|-------------------------|------------------|---------------------|---------------|---------------|-------------------|---------------------|---------------------|----------------|----------------|---------------|
| | | Sep 2019 | Ogo 2020 | Sep 2020 | Sumbangan (%) | Nilai RM Juta (CIF) | % | Jan-Sep 2019 | Jan-Sep 2020 | Sumbangan (%) |
| 1 | China | 14,419 | 13,727 | 15,294 | 22.8 | 875.3 | 6.1 | 129,253 | 122,610 | 21.0 |
| 2 | Singapura | 7,698 | 6,381 | 6,506 | 9.7 | (1,191.8) | (15.5) | 64,843 | 54,774 | 9.4 |
| 3 | Amerika Syarikat | 5,564 | 6,171 | 5,422 | 8.1 | (142.0) | (2.6) | 50,279 | 52,164 | 8.9 |
| 4 | Jepun | 5,319 | 4,920 | 5,398 | 8.1 | 78.7 | 1.5 | 46,125 | 43,762 | 7.5 |
| 5 | Kesatuan Eropah | 5,392 | 4,968 | 4,817 | 7.2 | (575.0) | (10.7) | 53,985 | 43,580 | 7.5 |
| 6 | Taiwan | 4,454 | 5,254 | 5,136 | 7.7 | 681.8 | 15.3 | 42,830 | 42,702 | 7.3 |
| 7 | Republik Korea | 3,638 | 2,302 | 2,875 | 4.3 | (762.9) | (21.0) | 29,353 | 35,744 | 6.1 |
| 8 | Indonesia | 3,105 | 2,601 | 3,171 | 4.7 | 65.9 | 2.1 | 28,681 | 25,706 | 4.4 |
| 9 | Thailand | 3,562 | 2,839 | 3,129 | 4.7 | (433.2) | (12.2) | 33,286 | 23,877 | 4.1 |
| 10 | India | 2,300 | 2,391 | 2,032 | 3.0 | (268.3) | (11.7) | 17,214 | 18,710 | 3.2 |
| 10 Negara Utama | | 55,452 | 51,553 | 53,781 | 80.3 | (1,671.4) | (3.0) | 495,848 | 463,630 | 79.3 |
| Lain-lain Negara | | 13,986 | 14,361 | 13,176 | 19.7 | (809.6) | (5.8) | 132,133 | 120,991 | 20.7 |
| Jumlah Import | | 69,438 | 65,915 | 66,957 | 100.0 | (2,481.0) | (3.6) | 627,981 | 584,621 | 100.0 |

Import dari ASEAN pada September 2020 bernilai RM15.7 bilion, menguncup 7.4 peratus tahun ke tahun. Penurunan ini disebabkan oleh import yang lebih rendah bagi keluaran petroleum (-RM726.8 juta, -25.9%) dan barang elektrik dan elektronik (-RM310.8 juta, -6.8%).

Bagi tempoh Januari hingga September 2020, import Malaysia dari ASEAN berjumlah RM126.7 bilion, lebih rendah 16.3 peratus berbanding tempoh sama 2019.

Jadual 9: Pecahan Import dari Negara-Negara ASEAN, Nilai (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| Negara ASEAN | Nilai RM Juta (CIF) | | | Perubahan Tahunan | | Nilai RM Juta (CIF) | | | |
|---------------------------------|---------------------|---------------|---------------|-------------------|---------------------|---------------------|----------------|----------------|---------------|
| | Sep 2019 | Ogo 2020 | Sep 2019 | Sumbangan (%) | Nilai RM Juta (CIF) | % | Jan-Sep 2019 | Jan-Sep 2020 | Sumbangan (%) |
| Singapura | 7,698 | 6,381 | 6,506 | 41.5 | (1,191.8) | (15.5) | 64,843 | 54,774 | 43.2 |
| Indonesia | 3,105 | 2,601 | 3,171 | 20.2 | 65.9 | 2.1 | 28,681 | 25,706 | 20.3 |
| Thailand | 3,562 | 2,839 | 3,129 | 19.9 | (433.2) | (12.2) | 33,286 | 23,877 | 18.8 |
| Viet Nam | 1,433 | 1,528 | 1,662 | 10.6 | 228.7 | 16.0 | 14,656 | 13,458 | 10.6 |
| Filipina | 704 | 683 | 929 | 5.9 | 224.7 | 31.9 | 6,840 | 6,109 | 4.8 |
| Brunei Darussalam | 322 | 425 | 200 | 1.3 | (122.0) | (38.0) | 1,759 | 1,691 | 1.3 |
| Myanmar | 58 | 57 | 52 | 0.3 | (6.3) | (10.8) | 821 | 724 | 0.6 |
| Cambodia | 59 | 29 | 37 | 0.2 | (21.8) | (37.2) | 507 | 337 | 0.3 |
| Lao, PDR | 3 | 8 | 6 | 0.0 | 2.9 | 91.3 | 29 | 33 | 0.03 |
| Jumlah Import dari ASEAN | 16,943 | 14,551 | 15,691 | 23.4 | (1,252.8) | (7.4) | 151,421 | 126,709 | 21.7 |
| Jumlah Import | 69,438 | 65,915 | 66,957 | 100.0 | (2,481.0) | (3.6) | 627,981 | 584,621 | 100.0 |

4. Import Mengikut Sektor

Keluaran perkilangan yang merupakan 86.9 peratus daripada jumlah import, turun 3.0 peratus daripada RM60.0 bilion pada September 2019 kepada RM58.2 bilion. Ini disokong oleh import yang lebih rendah bagi keluaran petroleum (-RM2.5 bilion, -37.3%); barangan besi dan keluli (RM964.5 juta, -34.2%) serta kelengkapan pengangkutan (-RM664.1 juta, -21.8%). Walau bagaimanapun, import barang elektrik dan elektronik meningkat 11.2 peratus atau RM2.3 bilion.

Import keluaran pertanian (6.1% daripada jumlah import), meningkat 23.9 peratus atau RM781.6 juta tahun ke tahun kepada RM4.1 bilion.

Import hasil perlombongan (RM3.1 bilion) pada September 2020, jatuh 40.3 peratus berbanding September 2019 dan menyumbang 4.6 peratus daripada jumlah import Malaysia. Ini terutamanya disebabkan oleh import petroleum mentah yang lebih rendah, menurun 62.3 peratus atau RM1.3 bilion.

Bagi sembilan bulan pertama 2020, import hasil perlombongan dan keluaran perkilangan masing-masing menurun 17.9 peratus dan 6.9 peratus. Walau bagaimanapun, import keluaran pertanian mencatat pertumbuhan positif 10.2 peratus, berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Jadual 10: Import mengikut Sektor, Nilai (RM Juta) dan Perubahan Tahunan (%)

| Sektor | Nilai RM Juta (CIF) | | | Sumbangan (%) | Perubahan Tahunan | | Nilai RM Juta (CIF) | | |
|----------------------|---------------------|---------------|---------------|---------------|---------------------|--------------|---------------------|----------------|---------------|
| | Sep 2019 | Ogo 2020 | Sep 2019 | | Nilai RM Juta (CIF) | % | Jan-Sep 2019 | Jan-Sep 2020 | Sumbangan (%) |
| Pembuatan | 59,995 | 56,176 | 58,186 | 86.9 | (1,809.5) | (3.0) | 537,322 | 500,429 | 85.6 |
| Perlombongan | 5,151 | 4,199 | 3,077 | 4.6 | (2,074.2) | (40.3) | 47,471 | 38,983 | 6.7 |
| Pertanian | 3,273 | 3,667 | 4,055 | 6.1 | 781.6 | 23.9 | 32,001 | 35,251 | 6.0 |
| Lain-lain | 1,018 | 1,871 | 1,639 | 2.4 | 621.0 | 61.0 | 11,187 | 9,957 | 1.7 |
| Jumlah Import | 69,438 | 65,915 | 66,957 | 100.0 | (2,481.0) | (3.6) | 627,981 | 584,621 | 100.0 |

4. Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC)

Jumlah import pada September 2020 bernilai RM67.0 bilion menurun 3.6 peratus berbanding September 2019. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 70.4 peratus daripada jumlah import adalah:

